

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA BRIG. JENERAL PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR  
KAMARUZAMAN HJ. AMPON**

**MAJLIS TAMAT LATIHAN  
PENGAWAL KESELAMATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SIRI 5/2010**

**16 JULAI 2010**

*Bismillahirrahmannir Rahim  
Assalammualaikum w.b.t dan salam sejahtera*

*Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,*

Yang Berusaha Mejar (K) Abdullah Hj Mohd Said  
Pendaftar Universiti Malaysia Sabah

Mejar Mohammat Azam bin Mustafa  
Penolong Pegawai Memerintah Batalian Pertama, merangkap Wakil Timbalan Komander  
Rejimen 507, Askar wataniah

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Mejar. Haznain Ngamil  
Ketua Bahagian Keselamatan

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama pada majlis yang amat bermakna di pagi yang mulia ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara-saudari pelatih, kerana telah berjaya menamatkan Kursus Asas Pengawal Keselamatan yang dilaksanakan selama sebulan sejak 1 Jun yang lalu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sememangnya UMS sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan dan keperluan seluruh warganya. Kursus yang diadakan ini juga sebenarnya merupakan satu inisiatif pihak pengurusan universiti dalam memberi pendedahan dan pengalaman di kalangan pengawal keselamatan khususnya bagi mereka yang baru berkhidmat di universiti ini.

lanya kerana, berkhidmat sebagai anggota keselamatan di UMS memerlukan pengetahuan dan penerapan dalam budaya kerja yang meliputi pelbagai aspek. Sehubungan itu, sebelum memulakan tugas sebagai warga kakitangan universiti, pihak universiti akan memberi pendedahan awal kepada para kakitangan. Bukan mudah sebenarnya untuk bekerja dengan organisasi yang besar seperti UMS. Terdapat satu '*standard*' yang perlu ada terutamanya sebagai anggota keselamatan. Oleh itu, kita mahu anggota yang komited, dedikasi, tegas, bertanggungjawab dan cintakan kerjaya ini.

Selama berada di Kem Paradise ini, saya pasti saudara dan saudari telah pun didedahkan dengan latihan sama ada dalam kelas mahupun latihan luar kelas, seperti Latihan Kawad, Latihan Seni mempertahankan diri, latihan pencegahan kebakaran, latihan kawalan statik dan rondaan serta penguatkuasaan undang-undang.

Semua latihan ini pastinya akan mampu membentuk ketahanan fizikal dan mental agar anda sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang situasi.

Sebagai makluman para hadirin sekalian, latihan yang diadakan ini juga sebenarnya bertujuan untuk mengorientasikan saudara saudari dengan Universiti Malaysia Sabah dan mengenali organisasi yang terlalu baru bagi anda semua.

Selain itu, ia bagi memberi latihan sebagai persiapan sebelum memulakan tugas yang meliputi aspek kawalan, rondaan, peraturan dan undang-undang, perisikan, tindakan, interaksi dan penampilan diri. Ini sekaligus mampu membentuk disiplin yang tinggi sebagai anggota keselamatan, dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

Saya pasti anda telah pun merasai kepayahan dan kesusahan sepanjang berada di dalam kursus ini. Lebih-lebih lagi dilatih oleh anggota tentera sebenar di dalam kem tentera selain perjalanan kursus yang dibuat seratus peratus mengikut pendekatan tentera.

Apa yang saya harapkan, kursus ini akan dapat membentuk disiplin, keyakinan diri, ketegasan dan kekuatan mental serta fizikal anda sekalian sebagai seorang pegawai keselamatan terlatih.

Kerjaya sebagai anggota keselamatan di UMS khususnya, bukanlah seperti di organisasi lain. Sesungguhnya saudara dan saudari memikul tanggungjawab yang amat berat untuk memastikan semua aspek keselamatan di dalam kampus terlaksana.

Untuk makluman saudara dan saudari sekalian, pada tahun 2009, terdapat kes-kes di dalam universiti yang melibatkan kes pencerobohan, kehilangan harta universiti, kehilangan harta peribadi, kecurian, kemalangan, pergaduhan, dan vandalisme.

Kes-kes seumpama inilah yang akan anda hadapi nanti. Tanpa komitmen daripada saudara semua, sememangnya sukar untuk menghadapi kes-kes seumpama itu. Sudah

menjadi tanggungjawab anda nanti untuk menghadapi, mengambil tindakan dan menangani kes-kes sebegini.

Saudara-saudari Sekalian,

Sebagai seorang anggota keselamatan, anda perlu mempunyai penampilan diri yang baik dan tegas dalam berhadapan dengan tugas. Tanggungjawab membantu pihak UMS menguatkuasakan peraturan dan undang-undang universiti adalah dibawah peranan bahu anda bagi memastikan kelicinan pentadbiran dan pengurusan universiti terutama dalam menjayakan pelaksanaan segala perancangan pihak universiti.

Malah saudara dan saudari adalah orang yang pertama sekali dapat mencerminkan kecemerlangan universiti. Ini kerana bagi mereka yang bertugas di pintu masuk utama universiti, anda-lah orang pertama yang akan ditemui orang awam untuk bertanya atau mengetahui sesuatu. Oleh itu, "*first impression*" yang baik adalah penting agar dapat melambangkan kecemerlangan universiti.

Selain daripada itu, saudara-saudara juga perlu mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan orang ramai. Anda perlu bijak berkomunikasi dengan orang ramai ketika menampilkan ketegasan semasa menjalankan tugas. Ini kerana pada masa tertentu, ketegasan tersebut mudah disalah tafsirkan dan dianggap negatif . Oleh itu, anda harus bijak untuk berinteraksi dengan cara yang mesra biarpun dalam ketegasan. Sebagaimana yang selalu saya tekankan kepada Pengarah Keselamatan, Mejar Haznain, anggota keselamatan mestilah mempunyai penampilan yang '**GARANG**', melaksanakan tugas dan penguatkuasaan dengan '**TEGAS**', tetapi masih mempunyai sifat '**MESRA**' apabila berurusan dengan orang ramai. Saya berharap latihan yang diberikan telah dapat menanamkan cirri-ciri ini.

Saudara-saudara Sekalian,

Pengawal keselamatan pada hari ini, menempuh cabaran yang berbeza jika dibandingkan dengan pengawal keselamatan yang terdahulu. Pengawal Keselamatan sebuah universiti bukan lagi seorang "**pak guard**" yang tugasnya hanya duduk dan memantau keadaan sekelilingnya. Pengawal keselamatan pada hari ini perlu sentiasa peka dengan ancaman-ancaman keselamatan moden yang ada pada hari ini, seorang pengawal keselamatan yang bertugas di sesebuah universiti terdedah kepada ancaman-ancaman keselamatan moden seperti kegiatan subversif dan pengganas. Sebagai makluman, baru-baru ini, semua IPTA telah diberi amaran akan penglibatan kakitangan dan pelajar dalam kegiatan berunsur keganasan. Disebabkan faktor ini-lah, seorang pengawal keselamatan itu perlu dilengkapi dengan segala bentuk ilmu dan pengetahuan untuk menangani cabaran ancaman-ancaman ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Latihan pada kali ini telah memilih untuk dilaksanakan di Kem Paradise dengan kerjasama sepenuhnya dari Rejimen 507 Askar Wataniah. Berdasarkan kepada penampilan peserta-peserta kursus pada pagi ini, saya berpendapat, hasil daripada kursus ini amat jelas, dan mengagumkan. Atas kapasiti saya sebagai Komander Rejimen 507 Askar Wataniah, maka sengaja UMS melaksanakan kursus ini di sini. Saya ingin mencuba untuk menjadikan Kem Paradise sebagai salah satu alternatif tempat Universiti Malaysia Sabah menganjurkan kursus mahupun latihan terutama yang berbentuk latihan luar. Dengan fasiliti yang ada, saya melihat Kem Paradise amat sesuai, dan mempunyai potensi untuk dijadikan pusat latihan dan kursus kepada UMS. Mungkin kursus kali ini boleh dijadikan batu loncatan untuk Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Pendaftar, merangka kursus mahupun latihan untuk kakitangan UMS di sini, pada masa akan datang di Kem Paradise.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Pembangunan Profesional bukan Akademik Jabatan Pendaftar, Bahagian Keselamatan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Rejimen 507 Askar Wataniah kerana berjaya menganjurkan Kursus ini dengan sempurna. Semoga kerjasama ini akan berterusan di masa akan datang.

Kepada anggota keselamatan baru, selamat menjalankan tugas.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t